



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42( 55 )  
Tarikh : 3 September 2013

## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-66 (MNKT KE-66)

Putrajaya, 3 September 2013 – Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri **mempengerusi** Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 66 pada pagi ini. Turut hadir ialah Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Menteri Kabinet dan Exco Kerajaan Negeri.

2. MNKT ini diadakan selaras dengan peruntukan **Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan** (maklumat lanjut di Lampiran 1).
3. Kertas-kertas pertimbangan dan makluman yang akan dibawa ke MNKT Ke-66 adalah seperti berikut:

#### Kertas Pertimbangan

Bil.	Tajuk Kertas	Pembentang
1.	Cadangan Inisiatif Memantapkan Urusan Permit Pembinaan di Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Teknikal Luaran	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Kertas</b>	<b>Pembentang</b>
2.	Cadangan Garis Panduan Pusat Penjualan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan PBT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
3.	Sumbangan PBT kepada Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) bagi Pembayaran Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

### **KERTAS MAKLUMAN:**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Kertas</b>	<b>Kementerian</b>
1.	Cadangan Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2.	Cadangan Garis Panduan Penguatkuasaan Papan Iklan Luar bagi Makanan dan Minuman yang Dilarang Diiklan di Luar Kawasan Sekolah	Kementerian Kesihatan Malaysia
3.	Kajian Semula dan Pengukuhan Penunjuk Bandar Mampan Malaysia (MURNInet)	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
4.	Cadangan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
5.	Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
6.	Kertas Makluman Status Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Bagi Tempoh 13 April 2007 Se-	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

Bil.	Tajuk Kertas	Kementerian
	hingga 31 Julai 2013	

## Lampiran 1

### Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)

- Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) adalah selaras dengan peruntukan **Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan**.
- Berdasarkan kepada **Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan**, peranan dan fungsi MNKT adalah :
  - (i) membentuk dari semasa ke semasa, dengan berunding dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri, suatu dasar Negara untuk memajukan, membangunkan dan mengawal Kerajaan Tempatan di seluruh Persekutuan; juga untuk mentadbir sebarang undang-undang mengenainya. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang telah dibentuk dan dipersetujui oleh MNKT.
  - (ii) memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai sebarang undang-undang berhubung Kerajaan Tempatan;

- (iii) membolehkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berunding mengenai sebarang perkara berhubung Kerajaan Tempatan; dan
  - (iv) mesyuarat MNKT hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- MNKT dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan ahlinya terdiri daripada 10 YB Menteri Kabinet yang berkaitan **(seperti di bawah)** dan semua YAB Menteri Besar/Ketua Menteri Semenanjung Malaysia termasuk wakil daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

1.	YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2.	YB Menteri Kerja Raya
3.	YB Menteri Kewangan II
4.	YB Menteri Kesihatan
5.	YB Menteri Sumber Manusia
6.	YB Menteri Pelancongan dan Kebudayaan
7.	YB Menteri Wilayah Persekutuan
8.	YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
9.	YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
10.	YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

- Kali terakhir diadakan mesyuarat MNKT, adalah 21 Mac 2012, **iaitu mesyuarat MNKT Ke-65.**

---

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)